

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2015

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk aduan dan rungutan utama yang dibuat oleh pengguna sejak GST dilaksanakan 1 April lalu dan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang sudah diambil setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 10 Mei 2015, sebanyak 4,849 aduan berkaitan isu GST telah diterima oleh JKDM sejak GST dilaksanakan meliputi antara lain kenaikan harga barang, pengeluaran invois yang tidak menepati kriteria yang

ditetapkan, kesalahan klasifikasi barang dan pengesahan layanan GST ke atas pembekalan. Dalam masa yang sama, pihak KPDNKK juga telah menjalankan 256,886 pemeriksaan ke atas semua jenis premis perniagaan dan sebanyak 702 kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Bagi KPDNKK, sebanyak 815 kes dalam siasatan dan 44 kes akan dibawa ke mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat, JKDM melalui Jabatan Peguam Negara telah **membuka 13 kertas siasatan di mana 2 dalam proses pendakwaan di bawah seksyen 33(2)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan 11 lagi dalam proses siasatan.** Selain itu, KPDNKK turut mengeluarkan tiga dakwaan terhadap peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Sehingga 14 Mei 2015, dua syarikat telah disabitkan kesalahan di Mahkamah Sesyen di bawah Seksyen 14 (1), Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan jumlah denda sebanyak RM140,000.

KPDNKK dan JKDM akan terus melaksanakan operasi mengesan kesalahan yang dilakukan oleh peniaga supaya peniaga membuat semua dokumentasi dan rekod berhubung transaksi perniagaan termasuklah resit

pembelian dan penjualan dengan tepat untuk mengelakkan sebarang kesilapan dan kes penipuan terhadap pengguna.

Selain itu, JKDM juga telah menubuhkan *GST Helpdesk* di seluruh negara dan *GST Call Center* bagi membantu dan membimbing peniaga dalam menguruskan sistem GST serta menguruskan aduan pengguna berkaitan salah laku peniaga di bawah Akta GST. JKDM turut menjalankan Operasi *MYSTERY Shopping* untuk memastikan peniaga mematuhi perundangan Akta GST 2014 dan seterusnya mengambil tindakan ke atas ketidakpatuhan (non-compliance) dan *Fraud GST*. Di samping itu, KPDNKK juga turut menubuhkan talian Pusat Gerakan Anti Pencatutan (PGAP) bagi menerima aduan pengguna dan menyelaras tindakan penguatkuasaan antipencatutan di seluruh negara.